

## HAK ANAK DALAM PENYUSUAN MENURUT ISLAM DAN KESEDARAN MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR

Nora'inan Bahari  
Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[norainan@kuis.edu.my](mailto:norainan@kuis.edu.my)  
0122265704

Zanariah Dimon  
Penyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[zanariah@kuis.edu.my](mailto:zanariah@kuis.edu.my)  
0129135268

Norita Kamaruddin  
Penyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[norita@kuis.edu.my](mailto:norita@kuis.edu.my)  
0133583010

Nurhayati Abd. Ghani  
Penyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[Nurhayati.ag@kuis.edu.my](mailto:Nurhayati.ag@kuis.edu.my)  
0136930113

### ABSTRAK

*Penyusuan susu ibu bukanlah sesuatu yang diwajibkan tetapi sangat digalakkan dalam Islam dan diakui kebaikannya oleh seluruh lapisan masyarakat dalam pelbagai budaya. Lebih unik perbahasan tentang hukum penyusuan telah dibuat oleh kalangan para ahli hukum pelbagai mazhab dan para mufassirin melibatkan pihak-pihak yang terlibat dalam penyusuan iaitu ibu, bapa dan anak susuan termasuk perbincangan tentang syarat, tempoh dan hak serta kesan penyusuan. Walaupun demikian, terdapat ibu yang memilih untuk menyusukan bayi mereka dengan susu formula berbanding mendapatkan ibu susuan untuk anak mereka. Oleh itu, artikel ini ditulis untuk meninjau tahap kesedaran masyarakat Islam berkaitan penyusuan sebagai hak anak. Kajian dilakukan secara lapangan dengan menggunakan rekabentuk kuantitatif secara kaedah tinjauan dengan menggunakan metode persampelan rawak. Data dikumpulkan melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada seramai 400 orang responden melibatkan tiga lokasi di negeri Selangor iaitu di zon utara (daerah Hulu Selangor), zon tengah (daerah Klang) dan zon selatan (daerah Sepang). Data kemudian dianalisis menggunakan Statistical Package for The Sosial Sciences (SPSS) versi 22. Dapatkan kajian menunjukkan para responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi berkaitan hak anak dalam penyusuan dengan nilai min 4.61. Dapatkan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Selangor memahami dan menyedari tentang hak anak untuk mendapatkan penyusuan.*

**Kata kunci:** Kesedaran masyarakat, hak anak, penyusuan, hukum

### 1. Pendahuluan

Pada masa kini, hampir kesemua ibu-ibu yang melahirkan bayi akan memberikan susu kepada bayi mereka (98.1%) kerana khasiat susu ibu dalam memberi tumbesaran yang baik kepada bayi (Harian Metro, 15 Ogos 2017). Setiap bayi juga memerlukan penyusuan yang sempurna bagi menjamin kesihatan mereka. Ayat-ayat al-Qur'an juga memberikan

tanggungjawab kepada ibu bapa bagi memastikan anak mereka mendapat penyusuan yang sempurna dari awal kelahiran sehingga sampai tempoh yang dinyatakan berdasarkan firman Allah SWT:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْ لَا دَهْنَ حَوَلْيَنْ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الرَّضَاعَةُ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ  
بِالْمَعْرُوفِ لَا تَكْفُفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَالِدَةُ بُولَدُهَا وَلَا مَوْلُودُهُ بُولَدُهُ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ  
أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضِيْ مِنْهُمَا وَتَشَوُّرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرِضُوهُنَّ أَوْ لَا دُكُّمَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ  
إِذَا سَلَمْتُمْ مَا آتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْقُوا اللَّهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ .

Maksudnya:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa juar kamu lakukan.”

al-Baqarah 2 : 233

Ahli sains juga turut mengakui kebenaran al-Qur'an dalam menyampaikan saranan dan ajaran kepada manusia terutamanya mengenai penyusuan. Kelebihan penyusuan ibu telah terbukti dengan pelbagai bentuk kajian yang dijalankan bagi menunjukkan bahawa susu ibu adalah makanan terbaik buat bayi berbanding makanan yang diproses. Namun, dalam membincangkan isu penyusuan ini, pelbagai aspek perlu dilihat terutama apabila berkaitan dengan hukum yang melibatkan anak, ibu dan bapa kandung serta ibu dan bapa susuan, yang kadang-kala dilihat remeh oleh sesetengah pihak.

## 2. Pernyataan masalah

Penyusuan adalah antara tajuk perbahasan dalam pengajian *fiqh al-ahwal al-syakhsiyah* atau atau *fiqh al-munakahat*, iaitu fiqh perundangan Islam yang membincangkan hal kekeluargaan yang lazimnya mengandungi bab perkahwinan, perceraian dan hak-hak anak yang termasuk di dalamnya nasab, penyusuan dan *hadanah* (al-Zuhayli, 1989). Bagaimanapun, persoalan berkaitan hukum penyusuan jarang menjadi fokus kajian dalam undang-undang Islam berkaitan kekeluargaan berbanding dengan *hadanah*.

Pengetahuan berkaitan dengan hukum hakam anak susuan adalah perlu jelas dari sudut hukum syarak bagi memelihara tuntutan *maqasid syariah* iaitu penjagaan keturunan (*hifz al-nasl*) dan aspek jaminan hak anak-anak.

Kajian ini dijalankan di negeri Selangor dengan mengambil sampel masyarakat Islam dari kalangan lelaki dan wanita yang tinggal di negeri Selangor. Ini mengambilkira bahawa isu

penyusuan hari ini timbul dalam kalangan ibu-ibu yang bekerja bagi memenuhi tanggungjawab terhadap anak dan tuntutan tugas. Justeru pemahaman yang sahih dalam isu ini perlu kepada kedua-dua pihak ibu dan bapa terutamanya agar hak anak ini dapat dipenuhi.

### 3. Sorotan literatur

Agama Islam adalah agama yang syumul, iaitu meliputi segala ruang lingkup kehidupan manusia dan salah satunya adalah berkaitang dengan hukum-hakam yang berkaitan dengan penyusuan. Justeru, berdasarkan dalil-dalil yang jelas dan tafsiran yang muktabar, para sarjana dan tokoh-tokoh agama Islam telah memberikan beberapa garis panduan yang telah diperhalusi berkaitan dengan hukum penyusuan.

Penyusuan susu ibu adalah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan kepada seseorang anak. Walau bagaimanapun jumhur fuqaha menyatakan bahawa tanggungjawab penyusuan susu ibu ini merupakan satu suruhan yang sunat dan bukannya wajib. Ini kerana anak berhak mendapat makanan yang terbaik yang menjamin kelangsungan hidupnya. Makanan tersebut adalah susu ibu yang mempunyai khasiat yang tiada tolok bandingnya. Lantaran itu, mazhab Syafii dan Hanbali mewajibkan pemberian susu ibu kepada bayi yang baru lahir kerana kepentingannya kepada kehidupan seorang bayi (Normadiah Daud et al, 2015).

Walau bagaimanapun tanggungjawab penyusuan kepada anak boleh bertukar menjadi wajib dalam tiga keadaan. Pertamanya, sekiranya bayi tersebut tidak dapat menerima susu lain selain daripada susu ibunya kerana sakit atau alahan yang tertentu. Kedua, sekiranya tiada wanita lain yang sanggup menyusukan anaknya pada masa tersebut. Ketiga, sekiranya bapa tidak berkemampuan untuk mengupah wanita lain untuk menyusukan anak tersebut (Normadiah Daud et al, 2015).

Al-Husni (1995) mengambil pendapat mazhab Syafii dan Hanafi bahawa kesahan hukum penyusuan hanya kepada perempuan yang menyusukan anak dan telah mencapai usia sembilan tahun. Sekiranya susu itu datang dari seorang lelaki yang boleh mengeluarkan susu dari dirinya, ia tidak akan menjadi mahram pada anak tersebut walaupun diminum dengan kadar yang banyak. Pandangan ini turut disokong oleh ulama mazhab Maliki dan Hanbali.

Bagaimanapun, ada pendapat yang mengatakan penyusuan adalah hak anak dan kewajipan ibu yang mesti dilaksanakan. Namun begitu, ada juga sebahagian ulama yang mengatakan penyusuan adalah hak ibu dan bukan kewajipannya. Justeru, ibu berhak untuk tidak menyusukan bayinya dengan alasan tertentu. Menurut Zaydan (2000), walaupun penyusuan adalah hak kepada anak dan kewajipan ke atas ibu, namun masih berlaku pertikaian dalam kalangan ulama berkaitan dengan masa kewajipan tersebut iaitu adakah ketika ibu tersebut masih bergelar isteri atau sebaliknya. Berbeza pula dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Rashid Ridha (2005), beliau mengatakan penyusuan adalah wajib kepada semua wanita yang bergelar ibu sama ada masih bergelar isteri atau telah bercerai selagi mana mereka sihat dan mempunyai air susu. Oleh itu berdasarkan *uruf* dan pendapat yang rajih, penyusuan dihukumkan wajib ketika mana perempuan tersebut masih berada dalam ikatan perkahwinan dan bukannya bagi mereka yang telah bercerai.

Menurut kajian Nanang Rokhman Saleh (2012) dalam artikel yang bertajuk “*Laktasi dalam perspektif al-Qur'an*”, salah satu hak seorang anak setelah dilahirkan adalah hak untuk mendapatkan penyusuan dari ibunya sebagai makanan untuk membantu pertumbuhan dan

perkembangan bayi kerana susu ibu banyak mempengaruhi dan membekalkan nutrisi kepada anak. Islam juga menyarankan kepada ibu-ibu agar memberikan air susu ibu kepada anak-anaknya selama dua tahun penuh (al-Baqarah 2: 233).

Susu ibu mempunyai banyak khasiat dan merupakan sumber makanan yang seimbang kepada bayi. Ia terbukti menjamin kesihatan dan tumbesaran mental serta fizikal bayi yang lebih sihat dan sempurna. Banyak kajian juga telah dijalankan terhadap susu ibu dan membuktikan kelebihan susu ibu tidak terdapat dalam susu formula. Keistimewaan kandungan susu ibu telah diiktiraf dari aspek sains, sosial, ekonomi dan agama. Kandungan zat yang istimewa dalam susu ibu ini menjadikannya sebagai perisai bagi melindungi bayi daripada serangan pelbagai penyakit (Syamilah Musa, 2015).

Kajian al-Mawardi (1996) juga mendapati penyusuan ibu mendatangkan banyak manfaat kepada ibu dan bayi dalam pelbagai aspek. Ia akan membantu perkembangan psikologi anak-anak dan dapat mengeratkan lagi hubungan antara ibu dan anak sehingga memberikan kesihatan yang baik dari segi fizikal, mental dan emosi kepada kedua-duanya. Justeru, Islam menekankan agar memilih wanita yang beriman, berakhlaq mulia dan berperibadi tinggi kerana bayi mudah terpengaruh dengan sikap ibu susuan dan persekitarannya.

Islam menitik beratkan hak dan kewajipan seluruh ahli keluarga dalam penyusuan meliputi hak ibu, bapa dan anak bagi memastikan penyusuan dapat menjamin *maqasid syariah* dalam aspek keturunan, diri dan akal. Oleh itu, penyusuan susu ibu adalah amat digalakkan sama ada dalam tempoh perkahwinan atau selepas berlaku perceraian. Justeru, kesedaran masyarakat sangat penting dalam memahami perkara ini. Bagaimanapun, belum ada lagi kajian yang menjuruskan kepada kesedaran masyarakat tentang hukum-hukum berkaitan khususnya berkaitan hak anak.

#### **4. Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif kaedah tinjauan yang menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada orang awam. Menurut Kerlinger (1973) soal selidik adalah salah satu cara untuk mendapatkan jawapan kepada soalan penyelidikan. Babbie (2001) pula berpendapat instrumen boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik. Situasi ini memberi ruang yang agak selesa, tenang dan telus kepada responden untuk menjawab soalan. Penyelidik akan menilai secara kuantitatif, melalui pengedaran instrumen kajian (soal selidik) secara rawak kepada sejumlah responden.

##### **4.1 Lokasi Kajian**

Penyelidik telah memilih negeri Selangor sebagai lokasi kajian. Lokasi ini kemudiannya dibahagikan kepada daerah mengikut zon utara, tengah dan selatan. Bagi zon utara, penyelidik memilih daerah Hulu Selangor. Bagi zon tengah, penyelidik memilih daerah Klang. Manakala daerah Sepang dipilih untuk mewakili zon selatan. Pemilihan lokasi ini bertepatan dengan pendapat Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) yang mencadangkan empat faktor untuk ditimbangkan dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, ketidakbiasaan (*unfamiliarity*), sesuai dan mempunyai

rangkaian sosial yang baik. Pemilihan lokasi ini adalah melibatkan kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama dalam pengumpulan data.

#### **4.2 Populasi, Sampel Kajian dan Kaedah Persampelan**

Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan kerana setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al, 1996). Melalui kaedah ini juga penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine, 1992).

Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel. Jadual pemilihan sampel adalah seperti berikut:

**JADUAL 1: Persampelan Krejcie Morgan berdasarkan populasi**

**TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION**

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size  
"S" is sample size.]

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities". Educational and Psychological Measurement, 1970.

**JADUAL 2: Pensampelan Kajian Sebenar**

Bil.	Lokasi Populasi	Persampelan	
1	Zon Utara – Hulu Selangor	198,132 penduduk	100 sampel
2	Zon Tengah – Klang	861,189 penduduk	200 sampel
3	Zon Selatan – Sepang	211,361 penduduk	100 sampel

Oleh itu, bagi tujuan kajian ini, seramai 400 orang responden telah terlibat dalam tinjauan yang telah dilakukan di lokasi yang telah dinyatakan dalam jadual di atas.

#### **4.3 Prosedur Pengumpulan Data**

Secara umumnya, data dalam kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif. Instrumen yang dibentuk bagi mengumpulkan data yang diperlukan ialah melalui pengedaran borang soal selidik. Set soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian; iaitu Bahagian A: Maklumat diri, Bahagian B: Kesedaran berkaitan hukum-hukum penyusuan, dan Bahagian C: Kesedaran mengenai isu-isu semasa berkaitan penyusuan. Bagaimanapun kertas ini hanya menumpukan kepada bahagian C sahaja khususnya berkaitan penyusuan sebagai hak anak.

#### **4.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah satu set soal selidik yang telah disahkan oleh seorang pakar bidang. Ia kemudiannya diuji melalui ujian rintis kepada sekumpulan responden seramai 39 orang. Kajian rintis dijalankan bertujuan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang akan digunakan sebagai alat kajian ini. Menerusi kajian rintis maklumbalas yang diberikan responden membantu memperbaiki mutu soalan kaji selidik. Misalnya, dapat mengelakkan pernyataan yang bertindan serta menggunakan gaya bahasa yang mengelirukan. Kajian rintis juga dijalankan untuk mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu dan meningkatkan kesahan dalam instrumen kajian (Chua Yan Paw 2006). Oleh itu data yang dikumpulkan daripada sampel rintis diproses untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Seterusnya data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang ralat (*outliers*) yang mengganggu.

Ujian kebolehpercayaan (*reliability test*) pekali alfa atau *Cronbach Alpha* telah dijalankan terhadap data soal selidik. Ujian kebolehpercayaan ini dilakukan untuk mengetahui kebolehpercayaan dengan mengukur konsistensi dalaman dengan cara mengelompok item dalam soal selidik yang mengukur konstruk yang sama. Nilai *Cronbach Alpha* yang tinggi menunjukkan kelompok item tersebut menilai konstruk yang sama manakala nilai koefisien yang rendah menunjukkan kurang keseragaman antara item dalam menilai sesuatu konstruk (Othman Talib, 2013).

Setelah analisis dibuat, didapati nilai pekali *Cronbach Alpha* bagi item daripada soalan-soalan di Bahagian B tentang penyusuan sebagai hak anak adalah 0.773. Menurut Mohd Majid Konting (2004), pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.700 adalah baik dan boleh digunakan. Menurut Lim Chong Hin (2007), secara umumnya, panduan kasar dalam menaksir kebolehtenerimaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berdasarkan nilai pekali kebolehpercayaan adalah seperti jadual berikut:

**JADUAL 3: Tahap kebolehpercayaan – rintis**

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik

0.80-0.89	Baik
0.60-0.79	Sederhana
0.40-0.59	Diragui
0.00-0.39	Ditolak

Mohd Najib (2003) juga menyatakan soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan bersamaan atau melebihi 0.6 boleh digunakan sebagai item pengukuran dalam kajian berdasarkan jadual 3 di bawah:

**JADUAL 4: Nilai Alpha Cronbach dan Kebolehpercayaan Alat Ukuran**

Nilai Alpha Cronbach ( $\alpha$ )	Kebolehpercayaan
Kurang daripada 0.6	Lemah
0.6 hingga 0.8	Boleh diterima
Lebih daripada 0.8	Baik

Sumber: Mohamad Najib (2003)

Maka nilai *Cronbach Alpha* 0.773 yang telah diperoleh bagi kajian ini menjadi tanda aras bahawa kajian ini adalah baik dan layak dilaksanakan.

#### **4.5 Prosedur Penganalisan Data**

Data yang dikumpul akan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 22. Bagi mendapat analisis deskriptif, ujian skala *likert* lima mata telah dijalankan dengan diberi nilai 1 hingga 5 di mana 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju. Responden diminta untuk menandakan salah satu nombor untuk menunjukkan persetujuan mereka terhadap pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Jadual 5 menunjukkan darjah persetujuan mereka bagi item-item tersebut di mana jadual ini akan dijadikan panduan untuk menganalisis darjah tahap kesedaran masyarakat Islam.

**JADUAL 5: Darjah Persetujuan Responden**

Skor	Darjah Persetujuan
5	Sangat setuju (SS)
4	Setuju (S)
3	Tidak Pasti (TP)
2	Tidak setuju (TS)
1	Sangat tidak setuju (STS)

Sumber : Ahmad Mahdzan (1997)

Penyelidik menggunakan interpretasi skor Jamil Ahmad (1993) di mana skor min antara 1.00 hingga 2.33 adalah merujuk kepada tahap persetujuan yang rendah, skor 2.34 hingga 3.66 menunjukkan persetujuan yang sederhana manakala skor 3.67 hingga 5.00 pula menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi

**JADUAL 6: Interpretasi Skor Min Terhadap Tahap Kesedaran Masyarakat Islam Berkaitan Hukum-hukum Penyusuan**

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil Ahmad (1993)

Skor min yang berada di tahap rendah dan sederhana menunjukkan sesuatu tindakan perlu dilakukan bagi memperbaiki kesedaran tentang hukum penyusuan di kalangan masyarakat Islam khususnya berkaitan hak anak dalam penyusuan.

**5. Dapatan dan Analisis**

Sebanyak 400 set borang soal selidik telah diedarkan dan dianalisa. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti tahap kesedaran masyarakat Islam berkaitan hukum-hukum penyusuan, terutama hak anak. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 22.0. Analisis deskriptif dijalankan dengan melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piaawai bagi menentukan tahap kesedaran masyarakat Islam.

Jadual 7 di bawah menunjukkan taburan data bagi item kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak anak. Penyusuan susu ibu adalah hak kepada setiap bayi (Min = 4.54, SP = 0.74), anak berhak mendapat susu ibu sejak dari hari pertama kelahiran sehingga berusia dua tahun (Min = 4.57, SP = 0.68), dan susu ibu merupakan makanan terbaik untuk anak (Min = 4.71, SP = 0.63)

**JADUAL 7: B3 – Kesedaran berkaitan penyusuan sebagai hak anak**

Item	STS	Kekerapan & Peratus			Min & SP
		TS	TP	S	
Penyusuan susu ibu adalah hak kepada setiap bayi	6 (1.5)	1 (0.3)	21 (5.3)	114 (28.5)	258 (64.5) 4.54 (0.74)
Anak berhak mendapat susu ibu sejak lahir hingga 2 tahun	0 (0)	8 (2.0)	21 (5.3)	105 (26.3)	266 (66.5) 4.57 (0.68)
Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk anak	7 (1.8)	0 (0)	18 (4.5)	59 (14.8)	316 (79.0) 4.71 (0.63)
<b>Jumlah</b>					<b>400 4.61</b>

**6. Perbincangan**

Dapatan kajian menunjukkan masyarakat Islam di Selangor mempunyai pengetahuan dan tahap kesedaran hukum yang sangat baik mengenai hak anak dalam penyusuan dengan purata nilai min yang tinggi antara 3.27- 4.61.

Kajian ini menunjukkan bagi kesemua item mengenai hak anak, mencatatkan skor yang positif bagi pilihan jawapan sangat setuju (SS). 1. penyusuan susu ibu adalah hak kepada setiap bayi (258 – 64.5%), 2. anak berhak mendapat susu ibu sejak lahir hingga 2 tahun (266 – 66.5%), dan 3. susu ibu merupakan makanan terbaik untuk anak (316 – 79%).

Ini menunjukkan responden mempunyai kesedaran yang sangat tinggi berkaitan penyusuan sebagai hak anak. Ini bertepatan dengan kajian Nanang Rokhman Saleh (2012) dalam artikel yang bertajuk “*Laktasi dalam perspektif al-Qur'an*”, penyusuan susu ibu adalah salah satu hak seorang anak setelah dilahirkan dan galakan Islam terhadap para ibu agar memberikan susu ibu kepada anak-anaknya selama dua tahun penuh (*al-Baqarah* 2: 233).

Dapatan ini juga menunjukkan usaha pihak-pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan kumpulan bukan kerajaan seperti Kumpulan Sokongan Penyusuan Susu Ibu telah berjaya mewujudkan kesedaran berkaitan hak anak dalam penyusuan. Bagaimanapun, langkah seterusnya adalah memantapkan kesedaran ini dengan usaha-usaha yang berterusan selain memastikan kesedaran ini disertai dengan amalan yang istiqamah di kalangan ibu dan bapa di samping mempopularkan amalan ibu susuan berbanding penggunaan susu formula.

## 7. Kesimpulan

Penulisan ini adalah memfokuskan kepada hasil kajian tentang kesedaran hukum di kalangan masyarakat Islam berkaitan hak anak dalam penyusuan. Dapatan yang positif dalam kajian ini sebenarnya membuka ruang kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab berkaitan pembangunan keluarga dan pembinaan modal insan memfokuskan untuk memastikan ibu-ibu mendahuluikan penyusuan susu ibu daripada penyusuan susu formula. Malahan penggalakan untuk menggunakan ibu susuan untuk mendapatkan susu ibu sekiranya ibu kandung tiada air susu perlu dianjurkan. Bagaimanapun, kesedaran berkaitan kesan hukum daripada susuan yang memenuhi syarat menurut hukum Islam akan membawa kepada hubungan mahram yang mengharamkan perkahwinan perlu diambil berat. Oleh itu, kesedaran dari aspek ini adalah wajar untuk ditingkatkan melalui kajian lanjutan, penulisan, penerbitan dan pengisian kepada pelbagai peringkat masyarakat dalam pelbagai media cetak, elektronik dan sosial.

## 8. Rujukan

- Harian Metro. 2017. Cabaran Penyusuan Badan, 15 Ogos 2017  
[www.hmetro.com.my/hati/2017/08/253861/cabaran-penyusuan-badan](http://www.hmetro.com.my/hati/2017/08/253861/cabaran-penyusuan-badan).
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Ed. Ke- 7. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Normadiah Daud, Nadhirah Nordin, Mariam Nabilah Mohd Noor. 2015. Kefahaman ahli akademik IPTA Kuala Terengganu terhadap konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif Islam. *E-Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* (10). 2 – 18.
- Al-Husni (1995)
- Zaydan, Abdul Karim. 2000. *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa Bait al-Muslim fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ridha, Muhammad Rashid. 2005. *Tafsir al-Qur'an al-Hakim al-Musytahir bi Tafsir al-Manar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Nanang Rokhman Saleh. 2012. Laktasi dalam perspektif al-Qur'an: sebuah kajian tafsir tematik. *Journal of Health Science* 5(2). Surabaya: Stikes Yarsis.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1996. *Kitab al-Rada'*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

- Syamilah Musa, Azimah Mohd Masri, Mohd. Norzi Nasir. 2015. Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam. *Prosiding Seminar World Academic and Research Congress 2015*. YARSI University, Jakarta, Indonesia. 9th – 10th December 2015.
- Kerlinger, Fred N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. 2nd Ed. New York: Rinchart and Winston.
- Babbie, E. R. 2001. *The Practise of Social Research*. USA: Thompson Learning.
- Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social Research Methods*. Ed. Ke-5. New York: Pearson Education Inc.
- Marohaini Yusoff. 2001. *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sidek Mohd. Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Perkhidmatan Percetakan Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.
- Ary, D, Jacobs, L. C. & Razavieh, A. 1996. *Introduction to Research in Education*. Orlando, Florida: Harcourt Brace College Publishers.
- Berenson, M. L. & Levine, D. M. 1992. *Basic Business Statistics: Concepts and Applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30. 607-610. California: Sage Journal US.
- Sekaran, Uma. 2003. *Research Methods for Business*. Ed. Ke- 4. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting. 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chong Hin Lin. 2007. *Penyelidikan Pendidikan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: UTM.
- Jamil Ahmad. 993. Tinjauan Kekangan-kekangan dalam Pelaksanaan Sains KBSM di Sekolah-sekolah Menengah di negeri Kedah Darul Amal. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1997. *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi*. Ed.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.